



26 AUG, 2023

## Pereka barang kemas miliki kreativiti tinggi

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Pereka barang kemas miliki kreativiti tinggi

Rozita  
Shamsuddin,  
UiTM, Kampus  
Machang

**Kebelakangan** ini pereka barang kemas sudah menjadi profesion yang menarik perhatian ramai orang. Hal ini boleh dilihat dengan munculnya pelbagai rekaan barang kemas di pasaran yang menjadi trend dan dicari-cari pengguna.

Sedikit masa lalu, cincin dengan rekaan dinamakan 'daun ketum' menjadi kegilan ramai. Hal ini menjelaskan kepada kita rekaan menjadi antara faktor tarikan kepada pembeli.

Pereka barang kemas bukan pekerjaan yang boleh dibuat sambil lewa. Sebaliknya ia adalah kepakaran khusus yang boleh dipelajari di pelbagai pusat pengajian disediakan oleh agensi kerajaan seperti Kraftangan Negara selain turut ditawarkan di universiti awam.

Mereka yang bekerja sebagai pereka barang kemas umumnya mempunyai imaginasi dan kreativiti tinggi. Hal ini tentu saja berkaitan dengan bakat seni yang dimiliki dan dilengkapi pula dengan ilmu dipelajari.

Hari ini kedai emas boleh ditemui di setiap pelosok negeri. Malah di negeri seperti Terengganu dan Kelantan ada sahaja kedai emas yang baru dibuka. Di luar Kelantan dan Terengganu pula terdapat banyak jenama kedai emas yang gah dan mendapat sambutan ramai.

Setiap satu kedai emas ini menyediakan pelbagai rekaan tersendiri dalam menarik perhatian pelanggan. Faktor ini yang membawa kepada permintaan terhadap pereka barang kemas.

Jadi, selari dengan perkembangan industri barang kemas di Malaysia, keperluan dan permintaan terhadap pereka barang kemas amat diperlukan bagi memenuhi kekosongan jawatan itu.

Lepasan graduan di dalam bidang ini, sama ada graduan peringkat diploma atau ijazah sarjana muda, masing-masing mempunyai peluang untuk memasuki alam pekerjaan berbekalkan kepada ilmu dan kemahiran yang diperoleh.

### Reka bentuk ikut permintaan, idea sendiri

Secara umum, pereka barang kemas mereka bentuk produk barang kemas mengikut permintaan pelanggan. Namun ramai juga pereka yang membuat rekaan berdasarkan idea sendiri berdasarkan konsep serta kehendak syarikat dan mendapat sambutan hebat.

Umumnya lakaran barang kemas yang ingin dihasilkan dibuat secara manual tidak kurang juga melakukannya dengan perisian semasa.

Selain menghasilkan rekaan mereka juga bersedia memberi khidmat nasihat mengenai idea rekaan kepada pelanggan.

Apakah kelayakan untuk menjadi pereka barang kemas? Umumnya pengajian dalam bidang ini bermula pada peringkat sijil seterusnya diploma dan ijazah sarjana muda.

Di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) satu-satunya universiti awam yang menawarkan bidang pengkhususan rekaan barang kemas peringkat ijazah sarjana muda dan diploma.

Pengajian peringkat sijil boleh diperoleh di Institut Kraftangan Negara (IKN) atau mana-mana pusat latihan atau akademik sama ada

oleh pihak kerajaan atau syarikat swasta.

Umumnya, kursus reka bentuk barang kemas adalah pengajian kreatif yang bukan sahaja menawarkan pemahaman mengenai idea rekaan dan teknik pembuatan perhiasan tetapi juga melangkaui pengetahuan dalam bidang kajian logam, batu permata (gemologi) dan bidang keusahawanan.

Sekiranya tidak berminat untuk menjadi pereka barang kemas selepas tamat pengajian, pelajar boleh mengembangkan kemahiran dan ilmu yang dipelajari dengan meneroka kerjaya lain. Antaranya, menjadi tukang emas, pakar di dalam kajian batu permata (gemologis), pereka berkomputer, usahawan dan pendidik.





26 AUG, 2023

## Pereka barang kemas miliki kreativiti tinggi

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kebelakangan ini pereka barang kemas sudah menjadi profesion yang menarik perhatian ramai orang. Hal ini boleh dilihat dengan munculnya pelbagai rekaan barang kemas di pasaran yang menjadi trend dan dicari-cari pengguna.

Sedikit masa lalu, cincin dengan rekaan dinamakan 'daun ketum' menjadi kegilaan ramai. Hal ini menjelaskan kepada kita rekaan menjadi antara faktor tarikan kepada pembeli. Pereka barang kemas bukan pekerjaan yang boleh dibuat sambil lewa.